

UMS rancang luaskan OSH-MS ke fakulti dan jabatan

NST 8.5.2015 2

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) merancang untuk meluaskan Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSH-MS) ke fakulti dan jabatan lain di universiti itu secara berperingkat-peringkat.

Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr. Mohd Harun Abdullah berkata, ia penting bagi memberi keyakinan kepada warga kerja UMS termasuk pekerja, pelajar, kontraktor dan semua pelanggan UMS bahawa mereka berada di dalam suasana yang kondusif.

"Pengiktirafan pensijilan OHSAS 18001 dan MS1722 dapat meyakinkan pekerja dan pelajar UMS bahawa mereka berada dalam suasana yang

kondusif. Di samping itu ia dapat membuktikan kepada kontraktor dan semua pelanggan bahawa organisasi itu mampu melaksanakan kerja mereka dalam keadaan selamat sepenuhnya."

"Sebagai permulaan, pengiktirafan pensijilan ini merangkumi Pejabat Pentadbiran Canselor, Bahagian Audit Dalam, Pusat Islam UMS, Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Pusat Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dan Pusat Pengurusan EcoCampus UMS," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Penyerahan Sijil Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSHMS) OHSAS 18001:2007 dan MS1722: 2011 sempena

Sambutan Hari Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSH) Sedunia Peringkat UMS, di Bangunan Canselor, di sini, kelmarin.

Sehubungan itu Mohd Harun menyarankan semua warga UMS supaya sentiasa mengambil berat aspek kesihatan dan keselamatan dalam menjalankan tugas sehari-hari.

"Amalan dan budaya keselamatan dan kesihatan pekerjaan itu penting bagi memastikan hasil kerja yang berkualiti dan bermutu. Ini perlu diperlakukan sepanjang masa, bukan hanya dalam bulan keelamatan dan kesihatan pekerjaan sahaja," katanya.

Beliau berharap pengiktirafan pensijilan keselamatan dan kesihatan pekerjaan itu menjadi pemangkin bagi Fa-

kulti dan Jabatan lain serta institut pengajian tinggi lain di negeri ini.

"Saya yakin pensijilan Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan ini akan mewujudkan standard amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang lebih tinggi di kalangan kakitangan, pelajar dan kontraktor UMS, seterusnya membina keyakinan dan kepercayaan kepada 'stakeholder', masyarakat dan kerajaan terhadap perkhidmatan yang ditawarkan di UMS," katanya.

Sijil pengiktirafan itu disampaikan oleh Pengurus Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH) Tan Sri Lee Lam Thye, kepada Mohd Harun. —
OLEH MARRYAN RAZAN